



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 29 Mac 2024

### **Nestlé HARVEST GOURMET Terus Memacu Penggunaan Alternatif Protein Tumbuhan di Kalangan Rakyat Malaysia**

*Paf Pastri HARVEST GOURMET Baharu Menyelami Permintaan yang Meningkat untuk Penyelesaian Kudapan Lazat dan Mudah*

**PETALING JAYA, 29** Mac 2024 – Tinjauan GlobalData 2023 baru-baru ini mendedahkan bahawa 59% rakyat Malaysia semakin cenderung untuk mencuba makanan berasaskan tumbuhan bagi manfaat kesihatannya, manakala hampir separuh didorong oleh manfaat alam sekitar daripada pilihan makanan yang lebih lestari ini. Sememangnya, makanan berasaskan tumbuhan umumnya mempunyai jejak karbon yang jauh lebih rendah dan kurang intensif dalam sumber air berbanding dengan produk daging haiwan. Sebagai tindak balas kepada trend yang semakin meningkat ke arah makanan protein tumbuhan, Nestlé Malaysia mengembangkan lagi rangkaian produk HARVEST GOURMET dengan pelancaran Paf Pastri, rangkaian baharu yang menambah pilihan yang menarik, lazat dan mudah disediakan yang langsung mengesahkan kepimpinan syarikat dalam pasaran baharu ini.

Kombinasi khasiat protein tumbuhan dan keenakan paf pastri gourmet ini sesuai untuk mereka yang ingin menikmati snek lazak. Ingin menikmati paf pastri tetapi merasakan ia terlalu rumit untuk dibuat, atau tidak mempunyai masa untuk menyediakannya dari awal? *Puff Pastries* keluaran HARVEST GOURMET adalah penyelesaian ideal, terutamanya di kalangan ibu bapa bekerja dan profesional yang sibuk. Sajian ini merupakan pilihan ringkas untuk minum teh atau sebagai snek pada bila-bila masa!

Paf rangup dan berlapis ini boleh didapati dalam tiga perisa Asia yang digemari ramai: *Creamy Curry Puff* (Paf Kari), Korean Gochujang Puff (Paf Gochujang Korea), dan Oriental BBQ Puff (Paf BBQ Oriental). *Creamy Curry Puff* mengandungi bahan-bahan tenusu, memeperkayakan lagi perisanya untuk mereka yang

menikmati sentuhan berkrim dalam paf. Paf Pastrri Buatan Malaysia ini diperakui Halal dan menyediakan sumber protein yang baik kerana diperbuat daripada kacang soya dan kisaran berasaskan gandum, di samping adunan ramuan dan rempah penuh berperisa, tanpa ditambah pengawet. Tetapi, apa yang menjadikannya pilihan yang menyenangkan dan menjimatkan masa ialah penyediaan satu langkah, dari peti sejuk beku terus ke dalam penggoreng udara tanpa perlu dinyahbeku! Hanya perlu menggoreng menggunakan penggoreng udara pada suhu 180°C selama 15 minit untuk mendapatkan paf pastrri yang berlapis, rangup dengan sempurna dan sedia untuk dimakan.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia Berhad, amat teruja dengan produk terbaharu dalam rangkaian HARVEST GOURMET: “Dalam dunia di mana kita semua perlu menangani kesan alam sekitar dan kesihatan ekoran pilihan pemakanan kita, kami terus mempelopori inovasi untuk memastikan kami memperkenalkan produk yang lazat dan relevan kepada pengguna kami, sambil memainkan peranan positif dalam menyokong peralihan kepada diet yang lebih lestari. Nutrisi adalah sebahagian penting daripada usaha menjaga kesejahteraan insan dan kami komited untuk menyokong usaha rakyat Malaysia menjalani kehidupan yang lebih sihat. Ini juga sejajar dengan misi Nestlé Malaysia untuk menyumbang kepada masa depan yang lebih lestari demi bumi kita dengan menambah tawaran produk berasaskan tumbuhan.”

*HARVEST GOURMET Puff Pastries* boleh didapati di pasar raya besar dan pasaraya di seluruh negara seperti AEON, AEON BIG, Lotus's, Jaya Grocer, Village Grocer dan NSK, dengan harga runcit yang disyorkan *HARVEST GOURMET Puff Pastries* iaitu RM22 di Malaysia Barat dan RM23 di Malaysia Timur. Setiap pek mengandungi 10 pastrri lapis.

Pengguna boleh membeli mana-mana produk HARVEST GOURMET bersama sekurang-kurangnya satu produk paf pastrri untuk menerima sebuah Beg Pendingin (*Cooler Bag*) Edisi Terhad secara percuma di gedung-gedung terpilih yang turut serta selagi stok masih ada!

Untuk maklumat lanjut tentang Pastrri Lapis HARVEST GOURMET dan produk lain HARVEST GOURMET, sila kunjungi

<https://www.facebook.com/NestleHarvestGourmet/> atau

<https://www.instagram.com/nestleharvestgourmet/>.

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: (+603) 7965 6456  
Bimbit: +6012-235 6865  
E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

#### **Shahida Irawan atau Yasmin Kadir**

acorn communications  
Tel: (+603) 7958 8348  
Bimbit: +6019 688 7204 (Shahida) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)